

Headline	`Cuba Berdikari & Usah Bergantung Harap...` -Azamirudin		
MediaTitle	Mingguan Wanita		
Date	24 Oct 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	160,000
Page No	100,101	Readership	480,000
Language	Malay	ArticleSize	1232 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,000
Frequency	Bi-Weekly	PR Value	RM 36,000



KU GAPAI BINTANG

OLEH: NORHAYATI OTHMAN | FOTO: KOLEKSI PERIBADI AZAMIRUDIN

Mahu seribu daya, tak nak seribu dalih. Itulah peribahasa yang boleh diberikan kepada Muhammad Azamirudin Ismail ini. Dalam usia yang masih muda dan mempunyai masalah ketidakupayaan yang tidak mengizinkan, ia langsung tidak mematahkan semangatnya untuk terus berdikari dalam meneruskan kehidupan.

“Cuba Berdikari & Usah Bergantung Harap...” -Azamirudin



Mendalami kisah anak muda yang berasal dari Sungai Petani, Kedah mungkin boleh menyuntik semangat buat mereka yang mempunyai masalah kelainan upaya. Apatah lagi, dalam usia 25 tahun, dia membuktikan kepada keluarga, saudara mara dan kawan-kawan yang dia mampu berdikari.

Guna Kerusi Roda

Menurut anak tunggal ini, dia dilahirkan pada 7 Ogos 1994. Ketika di dalam kandungan, segala perkembangan

adalah normal. Namun, ditakdirkan apabila selamat dilahirkan, doktor memberitahu ibunya yang dia tertelan air kotor ketika di dalam perut.

“Akibat daripada itu, doktor memberitahu kemungkinan ada kesan jangkitan dan boleh menyebabkan kecacatan fizikal dan mental. Sehingga saya berusia empat tahun, saya masih tidak mampu berjalan seperti kanak-kanak lain dan perlu menggunakan kerusi roda sepenuhnya,” cerita Azamirudin.

Dengan kekurangan yang dialaminya, Azamirudin tidak dapat meneruskan persekolahan ke sekolah harian biasa. Dia hanya belajar di tabika KEMAS dan selepas itu, dihantar ke pusat OKU PPKD.

“Alhamdulillah, saya boleh membaca dan mengira dengan bantuan guru-guru dan keluarga. Malah, setakat membuat *paperwork* tentang kerja, tidak menjadi masalah dan mengikut kemampuan serta kepandaian saya,” katanya yang kini menjalankan perniagaan sendiri.

Headline	`Cuba Berdikari & Usah Bergantung Harap...` -Azamirudin		
MediaTitle	Mingguan Wanita		
Date	24 Oct 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	160,000
Page No	100,101	Readership	480,000
Language	Malay	ArticleSize	1232 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,000
Frequency	Bi-Weekly	PR Value	RM 36,000



Bersama Kapok Busker.



Rakan-rakan pusat OKU.



Bersama ibu tersayang.

Jangan Malu

Bagi Azamirudin, dilahirkan sebagai insan kelainan upaya (OKU), adalah satu anugerah istimewa untuknya. Malah, sesiapa sahaja tidak dapat lari daripada ujian Yang Maha Esa.

“Tidak dinafikan, kehidupan sebagai OKU, mungkin terbit rasa malu bila berdepan dengan situasi sekeliling dan pandangan sesetengah pihak terhadap diri kita. Namun, kita tidak boleh mengharapkan persepsi ini berlarutan. Kita perlu berani mencuba kebolehan dan kemahiran yang ada bagi membuka pandangan masyarakat melihat keadaan dan kehidupan OKU yang sebenar,” kata Azamirudin dengan semangat.

Walaupun pada awalnya dia tidak dapat menerima kenyataan ini tetapi Azamirudin beruntung kerana dia mendapat sokongan dan dorongan moral daripada keluarga untuk menyuntik keyakinan diri dalam membentuk kehidupan yang lebih baik dan berjaya.

“Bagi saya, sebagai seorang OKU, kita tidak seharusnya bergantung sepenuhnya kepada keluarga, malah mesti belajar berdikari dan tidak terlalu bergantung harap kepada mereka.

“Alhamdulillah, sekarang ini saya lebih banyak menumpukan kepada aktiviti kehidupan seharian dengan menjalankan perniagaan kecil-kecilan di kawasan perumahan. Jika ada masa lapang, saya akan melakukan aktiviti bebas bersama keluarga, kawan-kawan dan komuniti setempat,” katanya tentang aktiviti harian yang dilakukan.

Jual Ikan Laga

Walaupun keadaan fizikalnya begini, Azamirudin langsung tidak patah semangat. Sebaliknya, dia telah menceburi bidang keusahawanan sejak berusia 14 tahun lagi dengan menjual pelbagai koleksi jenis ikan hiasan, iaitu Ikan Laga.

“Pada mulanya, saya jadikan ia sebagai hobi membela ikan hiasan ini. Tidak disangka, ia boleh menjadi sumber pendapatan untuk saya. Kini, saya mempunyai beberapa produk perniagaan lain seperti menjual pelbagai kasut kanak-kanak dan dewasa,” katanya yang menjalankan perniagaan di pasar malam atau pasar tani yang berdekatan dengan perumahannya.

Sertai Kumpulan Buskers

Bukan itu sahaja, Azamirudin turut menyampaikan ceramah motivasi atas jemputan daripada pihak NGO atau persendirian kepada kawan-kawan yang senasib. Malahan, dengan bakat yang ada, Azamirudin mengisi masa menyertai kumpulan Buskers (Kapok Buskeers) melalui persembahan nyanyian di kawasan Sungai Petani.

“Sama ada mingguan atau bulanan, saya dijemput untuk menyampaikan beberapa buah lagu dan ceramah motivasi kepada pengunjung yang hadir. Secara tidak langsung, kumpulan Buskers telah memberi ruang untuk saya sebagai OKU menonjol diri di khalayak ramai.

“Dengan kehadiran saya sebagai OKU dalam membuat persembahan, sedikit sebanyak menjadi perhatian dan pembakar semangat kepada golongan belia untuk melakukan tugas-tugas amal seperti ini,” katanya yang juga merupakan Presiden Kelab OKU daerah Kuala Muda Kedah.

Ikut Kehendak & Keupayaan Diri

Walaupun keadaan fizikal Azamirudin tidak seperti orang yang normal tetapi dia bersyukur dengan pencapaian yang diperolehinya.

“Alhamdulillah, saya amat bangga dengan apa yang saya capai setakat ini. Berkat doa dan dorongan ibu yang banyak membantu untuk saya terus berusaha dan berikhtiar menjadi yang terbaik dalam hidup ini.

“Buat kawan-kawan OKU di luar sana, yakin dan berusaha untuk mendapat kehidupan yang lebih baik. Teruskan mencuba dalam apa jua bidang mengikut kehendak dan keupayaan diri bagi memastikan matlamat dan kejayaan menjadi milik kita suatu hari nanti,” katanya mengakhiri perbualan. MW